


PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG
22 SEPT 2016
KHAMIS



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
KOSMO	SKIM PINJAMAN MUDAH PUNCA RAMAI JATUH BANKRAP	2
HARIAN METRO	TERMINAL FERI DIJANGKA TARIK 180,000 PENGGUNA	3
SINAR HARIAN	KERAJAAN, BANK NEGARA PERLU CAMPUR TANGAN	4



KOSMO

KOSMO 22/9/16

Skim pinjaman mudah punca ramai jatuh bankrap



AZIH

ALOR SETAR - Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) mahu kerajaan dan Bank Negara campur tangan dalam menangani isu skim pembiayaan mudah yang boleh menyebabkan ramai penjawat awam jatuh bankrap.

Presidennya, Datuk Azih Muda berkata, skim pembiayaan peribadi mudah tanpa slip gaji yang ditawarkan beberapa institusi kewangan hanya akan menyebab-

kan kakitangan awam dibebani hutang yang teruk.

Katanya, syarat mudah itu telah menarik minat ramai penjawat awam untuk mengambilnya.

"Ia terlampau mudah sehingga penjawat awam yang tidak cukup gaji 60 peratus juga boleh dapat (kelulusan). Bukan itu sahaja, mereka yang hendak bersara pun boleh pinjam dengan tempoh pembiayaan selama 10 tahun.

"Sehubungan itu, saya minta


campur tangan kerajaan dan Bank Negara mengenai isu ini," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Terdahulu, beliau hadir pada Majlis Perasmian Persidangan Perwakilan Dwitahunan Perkhidmatan Tadbir dan Awam Pasukan Polis Semenanjung Malaysia (PACSU) di TH Hotel & Convention Centre di sini yang dirasmikan oleh Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar.

Hadir sama, Presiden Pacsu, Mahamad Bahrum.

Menurut Azih, skim pinjaman itu akan menyebabkan penjawat awam mengalami kehilangan pendapatan secara ketara dan dikhawatiri boleh mengakibatkan mereka bankrap.

"Kami menerima maklumat ada pesara kerajaan yang hanya menerima pencen sebanyak RM400 sahaja sebulan selepas dipotong oleh bank," dakwanya.



HARIAN METRO

11M 22/9/16

Pasir Gudang

Terminal feri dijangka tarik 180,000 pengguna

Pasir Gudang Passenger Terminal Sdn Bhd (PPT) menjangkakan lebih 180,000 pengguna feri menggunakan perkhidmatan itu tahun ini sempena pembukaan balai berlepas baru di Terminal Feri Pasir Gudang, di sini.

Pengarah Urusan PPT, Douglas Teh Chee Keong berkata, peningkatan sehingga tujuh peratus penumpang tahun ini berikutan kehadiran baru itu.

"Berbanding dulu, kita terpaksa menggunakan satu lapangan untuk berkongsi waktu berlepas dan tiba dalam satu masa.

"Jadi agak sukar untuk kami melakukan jadual atau waktu yang sama kedua-dua hala. Jadi bila ada balai berlepas baru ini, ia bukan saja selesa


untuk penumpang, malah jadual perjalanan feri dapat diaturkan serta disusunkan pihak syarikat," katanya pada Majlis Penyampaian Sumbangan Kepada Anak Yatim dan Pelajar Tahfiz dan Perasmian Balai Berlepas Baharu Terminal Feri di Pasir Gudang, di sini, semalam.

Hadir sama, Ahli Parlimen Pasir Gudang Datuk Normala Abd Samad.

Douglas berkata, dengan adanya balai berlepas baru ini, pengurusan dan warga kerja Terminal Feri Pasir Gudang mampu meningkatkan kecekapan operasi dengan lebih baik.

"Pembinaannya juga menyediakan ruang masa yang lebih banyak bagi menampung peningkatan penumpang di masa hadapan," katanya.

FAKTA
Balai berlepas baru dijangka tingkat tujuh peratus penumpang



SINAR HARIAN

Kerajaan, Bank Negara perlu campur tangan

9th 22/9/16

■ MOHAMAD FAKHRI MOHD ALI

ALOR SETAR - Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) menggesa campur tangan kerajaan dan Bank Negara terhadap dua bank tempatan yang memperkenalkan skim pinjaman kepada penjawat awam tanpa perlu membuka slip gaji.

Presidennya, Datuk Azih Muda berkata, melalui skim tersebut, penjawat awam yang gajinya tidak cukup 60 peratus juga diberi kelonggaran untuk membuat pinjaman bank dengan potongan terus akaun di bank.

"Mereka melaksana skim sama kepada penjawat awam yang nak bersara setahun lagi ataupun yang telah bersara, boleh pinjam selama 10 tahun. Melalui dua kaedah yang dilaksana bank ini, Cuepacs bimbang penjawat awam kembali tertekan dengan kehilangan pendapatan ketara.

"Sehingga hari ini pun kami menerima banyak aduan pesara kita hanya terima RM400 pencen kerana bakinya dipotong bank. Bagaimana nak teruskan kehidupan dalam keadaan yang semakin mencabar kerana institusi kewangan masih lagi mengutamakan keuntungan," katanya pada Majlis Perasmian Persidangan Perwakilan Dwi Tahunan Kesatuan Kakitangan Perkhidmatan Tadbir dan Awam Pasukan Polis Semenanjung Malaysia (Pacsu) kali ke-36 di TH Hotel, semalam.

Katanya, Cuepacs kecewa kerana

ia dibuat tanpa mengambil kira kesukaran kehidupan penjawat awam selepas pinjaman dibuat.

"Sampai bila kami nak tuntutan naik gaji kalau setiap kali naik gaji, bank akan perkenal skim untuk tank upah yang ada pada penjawat awam. Ini perkara penting dan sensitif.

"Sekiranya tidak ditangani, akhirnya kita akan balik semula keadaan kemiskinan tegar dalam kalangan penjawat awam dan pesara kerajaan. Ini isu baru dan perkara ini amat membimbangkan kita. Ia seumpama 'ah long' yang tidak ada simpati, meng-

utamakan keuntungan," katanya.

Menurutnya, lebih mengejutkan apabila bank berkenaan juga didakwa meminta peminjam berhenti daripada menjadi ahli koperasi dengan alasan untuk menambah pendapatan dan membolehkan mereka mendapat pinjaman lebih.

"Kalau dah jadi ahli koperasi pun dah disuruh berhenti, apa dasar koperasi negara? Bagaimana kerajaan nak menangani sikap institusi kewangan yang tamak ini.

"Kami harap Bank Negara dan kerajaan bertindak segera," katanya.



Azih (kiri) ketika hadir pada Majlis Perasmian Persidangan Perwakilan Dwi Tahunan Pacsu, semalam.

